

PEMBINAAN DAN PENILAIAN MODUL PEMBELAJARAN KENDIRI (MPK) BAGI MATA PELAJARAN OPERASI PERKHIDMATAN MAKANAN (PENYAJIAN MAKANAN)

Sarimah Binti Ismail & Noorazlin Binti Moskam
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) adalah pakej pembelajaran sendiri yang direka bentuk dengan teratur dan sistematik. Penggunaan MPK merupakan salah satu cara bagi mengatasi masalah kekurangan bahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta untuk membantu pelajar dalam memahami sesuatu subjek dengan lebih baik. Malangnya pembinaan MPK bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan tidak terdapat di pasaran. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi membina tiga buah MPK bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan pengkhususan dalam Penyajian Makanan dan Minuman iaitu MPK 1: Spesifikasi Tugas Pekerja di Organisasi Penyajian Makanan dan Minuman, MPK 2: Pengurusan Operasi Restoran dan MPK 3: Pengurusan Perkhidmatan Makanan dan Minuman. Pembinaan ketiga-tiga MPK ini adalah berdasarkan kepada Model Teras-Cabang (Shaharom, 1994). Instrumen kajian yang digunakan ialah temuduga berstruktur dan borang soal selidik Kesesuaian Modul Pembelajaran Kendiri (MPK). MPK yang dibina dinilai kesesuaiannya oleh empat orang pensyarah pakar bidang Perkhidmatan Makanan menerusi Penilaian Formatif Satu Dengan Satu (PFSS) manakala peringkat Penilaian Formatif Kelompok Kecil (PFKK) pula dinilai oleh lapan orang pelajar Diploma Perkhidmatan Makanan dari tiga buah institusi pengajian tinggi. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dalam bentuk peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan kesesuaian MPK pada PFSS dan PFKK masing-masing memberikan status sesuai dan amat sesuai bagi MPK Operasi Perkhidmatan Makanan dan sesuai digunakan sebagai bahan P&P yang menekankan kepada pembelajaran sendiri. Implikasi bagi MPK Operasi Perkhidmatan Makanan yang dibina ini dapat memberikan kebaikan kepada pelajar, tenaga pengajar dan institusi pendidikan.

Abstract: Self Instructional Module (SIM) was designed systematically for self-learning package. SIM is a method to fulfill the lack of teaching and learning materials and auxiliary to understand students in others subject more proper. The constructive SIMs for subject Operasi Perkhidmatan Makanan is not yet at the market. The research study is to construct the design and evaluation of three Operasi Perkhidmatan Makanan SIMs specialize in a Food & Beverage Service that includes SIM 1:Spesifikasi Tugas Pekerja di Organisasi Penyajian Makanan dan Minuman, SIM 2: Pengurusan Operasi Restoran and SIM 3: Pengurusan Perkhidmatan Makanan dan Minuman. Model Teras-Cabang (Shaharom, 1994) had been used in developing those SIMs. Interview and questionnaires of Kesesuaian Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) had been selected as the research instrument. Four lecturers of Food Service to assess the Operasi Perkhidmatan Makanan SIMs phases One-to-One Formative Evaluation (OOFE) and eight Diploma Food Service students were selected from three institutions participated in Small Group Formative Evaluation (SGFE). Statistics descriptive was used in terms of mean and percentage. The study indicated that SIM design was suitable and very suitable at both level of evaluation OOFE and SGFE for Operasi Perkhidmatan Makanan SIMs and it was suitable as a teaching and learning materials. The usage of those SIMs had offered implications to the pupils, instructor and education institution.

Katakunci: Modul Pembelajaran Kendiri (MPK), Operasi Perkhidmatan Makanan (Penyajian Makanan)

Pengenalan

Perkhidmatan makanan boleh didefinisikan dalam dua perkataan iaitu kecekapan dan kemesraan. Cara yang boleh dilakukan dalam perkhidmatan adalah memberi layanan mesra dan mengambil berat terhadap

kehendak pelanggan sehingga mereka berasa puas dengan layanan yang diberikan. Layanan sedemikian itu memerlukan komitmen tinggi dari pramusaji yang memberikan perkhidmatan. Ia tidak boleh dilakukan secara sambil lewa. Sifat mesra pelanggan itu perlu dilakukan pada setiap masa. Seseorang pramusaji juga harus mengetahui menu yang ditawarkan di restoran di samping mempunyai keyakinan diri dalam melayani pelanggan.

Pernyataan Masalah

Penyelidikan ini merupakan satu usaha untuk membina Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan dengan tujuan menangani masalah kekurangan bahan pengajaran dan pembelajaran di pasaran. Kajian ini dibuat untuk menilai sejauh manakah Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan yang dibina bagi tajuk Spesifikasi Tugas Pekerja Di Organisasi Penyajian Makanan dan Minuman, Pengurusan Operasi Restoran dan Pengurusan Perkhidmatan Makanan dan Minuman sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang Perkhidmatan Makanan bagi pelajar Diploma Perkhidmatan Makanan di Institusi Pendidikan Tinggi.

Objektif Kajian

Objektif pembinaan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan ialah:

1. Membina tiga Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan (Penyajian Makanan) iaitu:

MPK 1 : Spesifikasi Tugas Pekerja Di Organisasi Penyajian Makanan dan Minuman

MPK 2 : Pengurusan Operasi Restoran

MPK 3 : Pengurusan Perkhidmatan Makanan dan Minuman

2. Menilai kesesuaian ketiga-tiga MPK yang telah dibina bagi pelajar Diploma Perkhidmatan Makanan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk membina dan menilai MPK yang sesuai sebagai bahan P&P yang berkualiti dan dapat meningkatkan lagi mutu pembelajaran pelajar di samping menarik minat pelajar dalam pembelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan.

Pelajar

Pembinaan modul adalah untuk membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam proses pembelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan. Penggunaan MPK ini membolehkan pelajar mempunyai bahan pembelajaran yang terancang dan sistematik yang boleh digunakan pada bila-bila masa.

Modul pembelajaran ini boleh digunakan sebagai rujukan dalam proses pembelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan. Ini sekaligus dapat mempelbagaikan rujukan yang sedia ada.

Pensyarah

Penggunaan modul pengajaran sendiri dapat membantu pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka di dalam kuliah. Selain pelajar, pensyarah boleh menggunakan MPK sebagai bahan rujukan dan juga bahan bantu mengajar.

Penggunaan modul pembelajaran sendiri membantu pensyarah dalam membuat inovasi pada pengajaran mereka agar ia mudah lentur dan humanistik (Noor Khuzaimah Abdul Rahman, 2007).

Oleh itu, pembelajaran menggunakan modul ini dapat menjadi sumber rujukan dan motivasi kepada pensyarah untuk membuat inovasi pada pengajaran agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih difahami dan diikuti oleh pelajar.

Institusi Pendidikan

Modul pembelajaran sendiri di dalam institusi pendidikan boleh digunakan sebagai salah satu bahan pengajaran dan pembelajaran yang penting. Ini dapat membantu kelancaran proses P&P kerana penggunaan modul yang bersesuaian dan menepati kehendak silibus.

Institusi pendidikan yang menawarkan program perguruan harus memberi pendedahan kepada pelajar dalam proses pembinaan MPK agar ia dapat menjadi pendedahan awal kepada pembinaan MPK yang boleh dilaksanakan sewaktu mengajar kelak.

Skop dan Batasan Kajian

Skop utama kajian ini adalah kepada penghasilan Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan (Penyajian Makanan) (MPK 1: Spesifikasi Tugas Pekerja Di Organisasi Penyajian Makanan dan Minuman, MPK 2: Pengurusan Operasi Restoran dan MPK 3: Pengurusan Perkhidmatan Makanan dan Minuman)

Bagi tujuan penilaian, kaedah Penilaian Formatif Satu Dengan Satu yang akan digunakan dan kajian ini melibatkan empat orang pensyarah dan Penilaian Formatif Kelompok Kecil melibatkan lapan orang pelajar Diploma Perkhidmatan Makanan.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, populasi yang terlibat adalah seramai 12 orang iaitu terdiri daripada empat orang pensyarah pakar bidang Perkhidmatan Makanan dalam Penilaian Formatif Satu Dengan Satu dan lapan orang pelajar Diploma Perkhidmatan Makanan dalam Penilaian Formatif Kelompok Kecil.

Bagi sampel kajian, seramai 10 orang responden dipilih iaitu terdiri daripada dua orang pensyarah dengan tujuan untuk membuat semakan dan pengesahan draf MPK yang dibina oleh penyelidik. Perkara yang dinilai adalah berdasarkan format, kandungan isi pelajaran, ujian sendiri, ujian pengukuhan dan kesesuaian yang digunakan dalam MPK. Lapan orang pelajar pula terlibat dalam Penilaian Formatif Kelompok Kecil untuk menilai status kesesuaian MPK.

Menurut Dick (1985), Penilaian Formatif Satu Dengan Satu (PFSS) biasanya melibatkan antara satu hingga lapan responden yang terdiri daripada guru (pakar bidang atau guru subjek) atau pelajar (cerdas, sederhana dan lemah). Ia dilakukan secara langsung atau bersemuka di antara penyelidik projek dengan

setiap individu pelajar atau guru. Bagi Penilaian Formatif Kelompok Kecil pula, subjek yang terlibat ialah antara lapan hingga 20 orang.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah temu bual kepada pensyarah dan menggunakan borang soal selidik kesesuaian Modul Pembelajaran Kendiri kepada pelajar untuk menilai kesesuaian semua MPK yang dibina.

Menurut Othman Lebar (2007), temu bual boleh merupakan strategi keseluruhan pengumpulan data kajian ataupun boleh merupakan salah satu daripada teknik yang digunakan dalam kajian. Mohd Najib (1999), menyatakan bahawa temu bual merupakan salah satu cara yang paling mudah dan telah lama digunakan untuk mengukur. Antara kebaikan temu bual ialah:

- i. Kaedah ini fleksibel di mana seseorang yang ditemubual boleh menerangkan perkara yang tidak difahami dengan lebih lanjut.
- ii. Penemubual boleh membuat pemerhatian terhadap orang yang ditemubual dan dengan ini boleh menentukan sesuatu perkara berdasarkan reaksi yang diberi.
- iii. Dalam kaedah perbualan biasa, pertukaran penerangan boleh berlaku antara kedua-duanya.

Temu bual yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah temu bual berstruktur. Menurut Othman Lebar (2007), temu bual berstruktur melibatkan penemu bual menggunakan soalan-soalan yang telah ditentukan untuk semua responden. Ini menjadikan sangat sedikit variasi dari segi tindak balas mengikut responden. Penemu bual biasanya akan merekodkan tindak balas mengikut skema pengkodan yang telah ditentukan. Satu prosedur yang standard dari segi pentadbiran temu bual dapat mengawal perjalanan temu bual serta tindakbalas daripada responden. Semua responden akan mendapat set soalan yang sama, ditanya dalam urutan yang sama oleh penemubual yang telah dilatih untuk menguruskan temu bual dalam keadaan yang sama.

Mohd Najib (1999), menjelaskan bahawa temu bual berstruktur pula adalah dengan menyediakan satu senarai dan penemubual hanya perlu menandakan jawapan yang diberikan responden. Kaedah ini lebih ringkas, ekonomikal dan menjimatkan masa.

Alat atau instrumen pengukuran yang digunakan untuk pelajar pula adalah satu set borang soal selidik yang dirangka bagi mendapatkan maklum balas dari responden. Ia merupakan instrumen kajian yang lazim digunakan dalam kajian deskriptif. Menurut Mohd Najib (2003), soal selidik ialah alat atau instrumen yang digunakan untuk mengukur tingkah laku responden dan produk kepada penggunaan alat pengukur ini adalah data.

Set soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A mengandungi 24 item dalam bentuk Skala Likert dan mempunyai lima pilihan maklum balas. Pilihan-pilihan tersebut ialah:

- i. Amat setuju (5)
- ii. Setuju (4)
- iii. Tiada perbezaan (3)
- iv. Tidak setuju (2)
- v. Amat tidak setuju (1)

Terdapat empat komponen utama yang ditekankan dalam soal selidik ini iaitu format dalam MPK, kandungan isi pelajaran, kesesuaian MPK, soalan dan ujian. Manakala Bahagian B pula adalah untuk ulasan am dan cadangan dari penilai.

Status kesesuaian Modul Pembelajaran Mandiri (MPK) yang dibina ditentukan berdasarkan pada nilai min. Markah maksimum yang boleh dicapai ialah 120 dan markah minimum ialah 24. Markah minimum diperolehi dengan menjumlahkan semua nilai maklum balas yang paling rendah iaitu nilai satu. Manakala markah maksimum didapati dengan menjumlahkan semua nilai maklum balas yang tinggi iaitu lima.

Kajian Rintis

Setelah membina ketiga-tiga MPK, kajian rintis mula dijalankan dengan menyerahkan draf MPK kepada dua orang pensyarah pakar bidang Perkhidmatan Makanan untuk disahkan. Tujuan kajian rintis ini dijalankan ialah untuk mendapatkan gambaran secara menyeluruh tentang mutu MPK Operasi Perkhidmatan Makanan. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk mengesahkan isi kandungan dari segi format, bahasa, tulisan, objektif pembelajaran, arahan serta ejaan.

Kajian rintis juga dibuat ke atas pelajar Diploma Perkhidmatan Makanan bagi menentukan status kesesuaian MPK yang dibina. Seramai lapan orang pelajar Diploma Perkhidmatan Makanan dari Politeknik Johor Bahru, Kolej Komuniti Pontian, Johor dan UiTM Shah Alam telah dipilih sebagai responden bagi kajian rintis.

Hasil daripada kajian rintis, didapati bahawa kedua-dua MPK yang dibina memerlukan pengubahsuaian dari segi ketepatan objektif pembelajaran iaitu mempelbagaikan lagi aras objektif pembelajaran supaya lebih sesuai untuk semua pelajar yang berbeza aras penguasaannya. Selain daripada itu, pengubahsuaian juga dilakukan terhadap penyampaian isi pelajaran perlu lebih mendalam dan menarik mencakupi teori dan praktikal seiring dengan perkembangan terkini dalam bidang perhotelan. Disamping itu, pengubahsuaian perlu diberi penekanan kepada pembinaan soalan praujian, ujian diagnostik dan mempelbagaikan aktiviti yang melibatkan pelajar.

Semakan, pembetulan dan pengubahsuaian yang dilakukan adalah untuk mempertingkatkan lagi mutu MPK bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan (Penyajian Makanan) yang dibina sebelum menjalani proses PFSS dan PFKK. Pengesahan ini telah dilakukan dengan menggunakan Borang Pengesahan Modul Pembelajaran Mandiri (MPK) dan Borang Pengesahan Pakar Bidang.

Keputusan

Ringkasan Dapatan Kajian

Ringkasan dapatan kajian dibahagikan kepada dua bahagian. Ringkasan dapatan persoalan kajian 1 adalah ringkasan berkenaan maklum balas mengenai status kesesuaian modul pembelajaran mandiri yang dijalankan melalui Penilaian Formatif Satu Dengan Satu (PFSS) iaitu dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur kepada pensyarah manakala persoalan kajian 2 adalah ringkasan bagi maklum balas mengenai status kesesuaian modul pembelajaran maklum balas mengenai status kesesuaian modul pembelajaran dijalankan melalui Penilaian Formatif Kelompok Kecil (PFKK) dengan menggunakan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar.

Ringkasan Dapatan Persoalan Kajian 1

Hasil analisis data daripada Penilaian Formatif Satu Dengan Satu oleh pensyarah pakar bidang Perkhidmatan Makanan terhadap MPK Operasi Perkhidmatan Makanan (Penyajian Makanan) dari segi format modul, kandungan isi pelajaran dan bahagian pengukuhan didapati bahawa MPK yang dibina sesuai digunakan sebagai bahan P&P Operasi Perkhidmatan Makanan untuk para pelajar. Di samping itu, terdapat beberapa ulasan dan cadangan yang diberikan oleh pensyarah terhadap MPK yang dibina. Antara

ulasan yang diberikan adalah MPK Operasi Perkhidmatan Makanan (Penyajian Makanan) sesuai digunakan kerana ia memudahkan pelajar untuk memahami suatu tajuk yang perlu dikuasai.

Cadangan yang diberikan tentang MPK Operasi Perkhidmatan Makanan adalah MPK tersebut perlu dibuat penambahbaikan kerana ia terlalu asas untuk digunakan. Isi pembelajaran perlu lebih dalam mencakupi teori dan praktikal seiring dengan perkembangan terkini dalam bidang perhotelan. Isu-isu semasa atau global boleh diselitkan di dalam modul. Selain itu, MPK tersebut perlu lebih detail dan menarik, memandangkan terdapat banyak kolej swasta dan awam yang sudah menawarkan kursus perhotelan ini. Pengisian modul perlu lebih updated dan mengikuti perkembangan terbaru.

Ringkasan Dapatan Persoalan Kajian 2

pada keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan empat aspek yang dikaji oleh pengkaji untuk menentukan status kesesuaian MPK yang dibina bagi pelajar Diploma Perkhidmatan Makanan di institusi pengajian tinggi. Terdapat empat pembolehubah yang dikaji iaitu dari aspek format, kandungan isi pelajaran, kesesuaian serta soalan dan ujian MPK. Purata nilai min bagi keempat-empat aspek yang dikaji iaitu 6.30. Nilai min yang paling tinggi ialah 7.0 bagi aspek format MPK diikuti aspek kesesuaian MPK iaitu 6.32, soalan dan ujian pula iaitu 5.96 manakala nilai min paling rendah iaitu 5.91 bagi aspek kandungan isi pelajaran.

Perbincangan

Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) bukanlah sesuatu yang asing bagi sesetengah pihak. Kewujudannya pada awal tahun 70-an adalah permulaan bagi pembinaan MPK. Antara penyelidik terawal yang mencadangkan pembinaan MPK adalah Burns (1972), Klingstedt (1972), Eijl (1976) dan De Vito (1976). Disusuli oleh Meyer (1988) dan Shaharom (1994). Penyelidik-penyelidik ini mengemukakan model masing-masing.

Pada masa kini, pengajaran secara individu merupakan satu kaedah atau pendekatan yang terbaik bagi para pendidik memperbaharui kaedah mengajar yang digunakan supaya lebih menarik dan berkesan. Sejajar dengan pembangunan negara yang pesat membangun dengan tumpuan utama kepada bidang sains dan teknologi, maka pendekatan dalam P&P ini begitu sesuai dilaksanakan dengan meluas tanpa sebarang keraguan.

Penggunaan modul pembelajaran sendiri dilihat sebagai salah satu kaedah dalam usaha mengindividukan P&P pelajar. Modul pembelajaran adalah suatu sumber, rujukan dan sebagai panduan kepada pelajar dalam proses pembelajaran. Selain dari mendengar pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah, para pelajar juga mempunyai bahan pembelajaran terancang dan sistematik supaya dapat digunakan sebagai bahan rujukan dan ulangkaji (Noorkhuzaimah, 2007).

Melalui penggunaan modul, pelajar boleh meningkatkan daya pemahaman dan penguasaan maklumat terhadap isi pelajaran secara sendiri. Pembelajaran menggunakan modul masih lagi berdasarkan objektif yang telah ditetapkan tetapi gaya dan corak pembelajaran adalah mengikut pelajar itu sendiri. Ini memberikan kebebasan dan kemudahan kepada pelajar untuk belajar mengikut kemampuan mereka sendiri. Cara ini menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna.

Bagi menghasilkan modul pembelajaran sendiri ini, MPK yang bertajuk Operasi Perkhidmatan Makanan pengkhususan dalam Penyajian Makanan dan Minuman telah dibentuk dengan menggunakan model Teras-Cabang yang dibina oleh Shaharom (1994). Model ini digunakan kerana ia merangkumi segala komponen-komponen yang terdapat dalam model-model lain. Selain itu, ia mempunyai bahagian pemulihan dan bahagian pengayaan yang tidak terdapat dalam model yang lain. Oleh kerana modul ini

disusun dalam sub topik yang kecil, maka pembelajaran menggunakan modul ini boleh menjadi lebih bersistematik dan teratur.

Proses penilaian formatif dilakukan sepanjang proses pembinaan MPK melalui dua peringkat iaitu Penilaian Formatif Satu Dengan Satu (PFSS) dan Penilaian Formatif Kelompok Kecil (PFKK). Tujuan penilaian ini dilakukan adalah untuk memastikan kelemahan yang terdapat di dalam MPK ini diperbaiki dahulu semasa proses pembinaannya.

Hasil daripada penilaian formatif, didapati bahawa status MPK Operasi Perkhidmatan Makanan sesuai digunakan sebagai bahan dalam proses P&P bagi Penyajian Makanan dan Minuman kerana ia menitik beratkan beberapa aspek yang diperlukan dalam pembelajaran. Antara aspek yang dititikberatkan adalah kandungan isi pelajaran menepati dengan objektif pembelajaran supaya dapat membantu pelajar dalam mengenalpasti perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian ketika mempelajari sesuatu tajuk.

Objektif kajian ini adalah untuk membina MPK bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan (Penyajian Makanan). Hasil kajian akan menjawab dua persoalan kajian yang berikut:

1. Adakah Penilaian Formatif Satu Dengan Satu (PFSS) oleh pensyarah ke atas MPK Operasi Perkhidmatan Makanan (Penyajian Makanan) (MPK 1: Spesifikasi Tugas Pekerja Di Organisasi Penyajian Makanan dan Minuman, MPK 2: Pengurusan Operasi Restoran dan MPK 3: Pengurusan Perkhidmatan Makanan dan Minuman) menunjukkan bahawa ia sesuai digunakan sebagai bahan P&P dalam bidang Perkhidmatan Makanan?

2. Adakah Penilaian Formatif Kelompok Kecil (PFKK) oleh pelajar ke atas MPK bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan (Penyajian Makanan) (MPK 1: Spesifikasi Tugas Pekerja Di Organisasi Penyajian Makanan dan Minuman, MPK 2: Pengurusan Operasi Restoran dan MPK 3: Pengurusan Perkhidmatan Makanan dan Minuman) menunjukkan bahawa ia sesuai digunakan sebagai bahan P&P dalam bidang Perkhidmatan Makanan?

Ketiga-tiga MPK yang dibina dan dinilai status kesesuaiannya menggunakan kaedah temu bual berstruktur kepada pensyarah dan borang soal selidik Kesesuaian Modul Pembelajaran Kendiri kepada pelajar. Seramai dua orang pensyarah terlibat dalam kajian rintis, empat orang pensyarah terlibat dalam PFSS manakala seramai lapan orang pelajar terlibat dalam PFKK. Dapatan yang diperolehi daripada penilaian PFKK dianalisis secara deskriptif dalam bentuk min dan peratus dalam menentukan status kesesuaian MPK yang dibina. Status kesesuaian MPK yang dibina dirujuk kepada Jadual Peningkatan Kesesuaian MPK.

Analisis untuk PFSS yang dilakukan ke atas MPK Operasi Perkhidmatan Makanan terhadap status kesesuaiannya, didapati maklum balas daripada keempat-empat responden menyatakan MPK Operasi Perkhidmatan Makanan yang dibina mempunyai status sesuai untuk digunakan sebagai bahan P&P dalam bidang Perkhidmatan Makanan.

Analisis untuk PFKK pula yang dilakukan ke atas MPK Operasi Perkhidmatan Makanan terhadap status kesesuaiannya adalah amat sesuai dengan min keseluruhannya 99.84. Ini menunjukkan setelah proses pembedaan dan penambahbaikan yang dibuat daripada hasil kajian PFSS, maka analisis untuk PFKK mendapat nilai min keseluruhan yang tinggi serta mempunyai status amat sesuai untuk MPK Operasi Perkhidmatan Makanan.

Bagi membandingkan kajian-kajian yang terdahulu, tidak terdapat kajian untuk menghasilkan MPK Operasi Perkhidmatan Makanan. Ini mungkin disebabkan pelajar-pelajar tidak terdedah dengan

penggunaan modul serta kurang mengetahui pembinaan modul pembelajaran sendiri dalam bidang Perkhidmatan Makanan.

Rumusan

Kajian pembinaan MPK adalah penting bagi mengatasi kekurangan bahan P&P di pasaran. Menerusi bab ini, penyelidik telah membincangkan hasil kajian, kesimpulan, implikasi dan cadangan untuk masa depan sebagai panduan bagi penyelidik pada masa akan datang. Oleh yang demikian, pembinaan ke atas MPK Operasi Perkhidmatan Makanan (Penyajian Makanan) (MPK 1: Spesifikasi Tugas Pekerja Di Organisasi Penyajian Makanan dan Minuman, MPK 2: Pengurusan Operasi Restoran dan MPK 3: Pengurusan Perkhidmatan Makanan dan Minuman) dapat memberi manfaat kepada pelajar, pensyarah dan institusi pendidikan serta dapat digunakan sebagai bahan P&P dalam bidang Perkhidmatan Makanan.

Hasil daripada kajian ini, secara keseluruhannya didapati hasil maklum balas daripada pensyarah dan pelajar yang terlibat dalam penilaian formatif iaitu terdiri daripada Penilaian Formatif Satu Dengan Satu (PFSS) dan Penilaian Formatif Kelompok Kecil (PFKK) bahawa pembinaan tiga MPK bagi mata pelajaran Operasi Perkhidmatan Makanan (Penyajian Makanan) MPK 1: Spesifikasi Tugas Pekerja Di Organisasi Penyajian Makanan dan Minuman, MPK 2: Pengurusan Operasi Restoran dan MPK 3: Pengurusan Perkhidmatan Makanan dan Minuman mempunyai status amat sesuai digunakan sebagai bahan P&P dalam bidang Perkhidmatan Makanan. Selain itu, ia dapat mengatasi masalah kekurangan bahan P&P di pasaran, apatah lagi bahan pembelajaran berbentuk modul yang tiada di pasaran pada masa kini.

Rujukan

- Azizi Yahaya, et al, (2007). "Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan". Kuala Lumpur: Publishing Sdn. Bhd.
- Burns, R.W. (1972). "An Instructional Module Design". Educational Technology. 12(9). 27-29
- De Vito, A. dan Krockover, G.H. (1976). "Creative Sciencing-Practical Approach". Boston, USA: Little, Brown And Company Inc. 108-111.
- Dick, W. dan Carey, L (1985). "The Systematic Design of Instruction (2nd Edition)." New York, USA: Harper Collins College Publisher. 195-120.
- Dick, W. dan Carey, L (1991). "Instructional Design Principles and Applications. (2nd Edition)." Educational Technology Publications. 227-267
- Drs. Cece Wijaya, Drs. Djadja Djadjuri dan Drs. A. Tabrani Rusyan (1992). "Upaya Pembaharuan dalam Pendidikan dan Pengajaran". Indonesia: Remaja Rosdakarya Offset.
- Ee Ah Meng (2005). "Ilmu Pendidikan Pengetahuan dan Ketrampilan Ikhtisas (Semester 1)". Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Eijl, P.V (1976). "A Concise Building Scheme for Instructional Modules". Educational Technology. 16(2). 33-35.
- Kamarudin Hj Husin (1990). "Pedagogi 4". Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

- Klingstedt, J.L (1972). "Learning Modules For Competency-Based Education". Educational Technology. 12(11). 29-31.
- Koh Boh Boon (1986). "*Bahan Pengajaran Kendiri Terancang*". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid Konting (1994). "*Kaedah Penyelidikan Pendidikan*". Kementerian Pendidikan Malaysia; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Marohaini Yusoff (2001). "*Penyelidikan Kualitatif, Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*". Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Meyer, G.R. (1988). "Modules From Design To Implementation". 2nd Edition. Manila: The Colombo Plan Staff College For Technician Education, JON K. Printing Co. Inc. 1-27.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "*Penyelidikan Pendidikan.*" Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). "*Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (2001). "*Pedagogi Untuk Kursus Diploma Perguruan, Semester 3*". Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.